



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600/9/1 Jld 2 (~~77~~)

Tarikh : 12 Oktober 2022

Ketua Jabatan Pusat Tanggungjawab

Tuan

**Pengemukaan Laporan-laporan Baki Aset Bukan Kewangan
seperti pada 30 September 2022 (Sukuan Ketiga)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Perhatian tuan ditarik akan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2022 *Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan* (SPANM). Menurut perenggan 3.4.8 Lampiran B3 SPANM, bagi setiap **sukuan ketiga** dan **keempat**, pusat tanggungjawab hendaklah mengemukakan kepada kami laporan-laporan yang berikut. Lihat **kepilan**.

- 2.1. Pengesahan Baki Aset Bukan Kewangan (Lampiran B3-C-A1);
- 2.2. Laporan Perbezaan Baki Aset Alih, Aset Biologi dan Aset Tak Ketara (Lampiran B3-A-A1, Lampiran B3-A-A2 (i), Lampiran B3-A-A2 (ii)); dan
- 2.3. Laporan Perbezaan Baki Aset Tak Alih (Lampiran B3-B-A1, Lampiran B3-B-A2 (i), Lampiran B3-B-A2 (ii)).

3. Laporan-laporan tersebut (**hard copy** dan **soft copy**) hendaklah disampaikan kepada kami secara muat naik di alamat <https://drive.google.com/drive/folders/1P5QaL502HwSacQLz9JRmerbTnwvgBFnN> **selewat-lewatnya pada 23 Oktober 2022 (Ahad)**. Untuk tujuan ini, **hard copy** bermaksud salinan imbas (*scanned*) laporan yang lengkap dengan tandatangan penyedia, penyemak dan pengesah (Ketua Jabatan). **Soft copy** bermaksud fail dalam format Excel (.xls atau .xlsx).

4. Bagi memudahkan penyediaan laporan, kami ada menyediakan templat, garis panduan dan video tutorial berkaitan. Sumber tersebut boleh dicapai di alamat <https://drive.google.com/drive/folders/1P5QaL502HwSacQLz9JRmerbTnwvgBFnN>.
5. Kerjasama yang tuan berikan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

**WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030
BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul

Saya yang menjalankan amanah



LAU KAR WOH, C.A. (M), CPA
bp Pengarah